


سعيونت هاري بليا كيڠساان


SAMBUTAN
**HARI
BELIA**
KEBANGSAAN KE-17, 2022

BELIA SIAGA MASA DEPAN



11 Muharram 1444
9 Ogos 2022

Pusat Persidangan
Antarabangsa, Berakas





بلياكبيت هاس دفن كبيت

Our Youth Our Future



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

**TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SEMPENA
SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KALI KE-16

PADA HARI RABU
27 ZULHIJJAH 1442 / 7 OGOS 2021**

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur kerana dapat sama-sama berkumpul untuk menghadiri Perhimpunan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-16 pagi ini.

Cabarannya bersabit wabak pandemik telah menampilkan golongan belia sebagai sumber tenaga masyarakat dan negara.

Belia, tanpa mengenal letih, mampu untuk menjadi sukarelawan yang berjasa. Inilah belia.

Mereka layak untuk dicontohi dalam perkara menyumbangkan bakti kepada negara. Apabila diperlukan, biasanya mereka cepat-cepat tampil menyahut panggilan. Inilah sifat belia.

Mereka akan tampil dengan semangat juang yang tinggi serta tenaga yang kental dan segar, berbanding golongan-golongan lain. Ini tidak syak lagi, adalah ciri istimewa belia itu.

Beta berharap, ciri ini biarlah kekal untuk mewarnai kehidupan belia, supaya mereka terus unggul, dihargai oleh semua peringkat.

Jangan runtuhkan identiti belia yang baik. Kekalkan identiti ini untuk mendapatkan keyakinan masyarakat terhadap mereka. Ingatlah, keyakinan boleh luntur apabila identiti tidak dipelihara.

Masyarakat cukup sensitif dengan belia. Jika baik belia, maka masyarakat pun sangat teruja dan menyanjung mereka. Tetapi jika sebaliknya, masyarakat akan lari, menjauhi diri daripada mereka.

Contohnya, apabila belia misalnya, terjebak menagih dadah, maka masyarakat dengan sendirinya akan berundur, untuk melindungi diri daripada angkara dadah.

Maka disinilah, para belia itu perlu insaf, bahawa mereka adalah ibarat ‘cermin’ masyarakat, dimana baik atau buruk keadaan, dapat dilihat menerusi cermin ini.

Beta telah melihat dari cermin ini satu perkara yang menggembirakan, iaitu mengenai Ekosistem Keusahawanan Belia dan Program i-Usahawan, yang sedang berkembang dengan baiknya semenjak ia dilancarkan pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-13, tahun 2018.

Bukti awal kejayaan Ekosistem dan Program i-Usahawan ini berhasil mengkhususkan sebanyak 35 kontrak di dalam Sektor Tenaga, dalam mana, 19 daripadanya telahpun dianugerahkan kepada 24 pengusaha-pengusaha belia dengan anggaran nilai kontrak berjumlah 29 juta ringgit.

Dalam kalangan pengusaha belia, mereka juga telah berjaya untuk memberikan peluang pekerjaan kepada lebih kurang 300 orang anak tempatan.

Semua ini menjadi petunjuk jelas, bahawa para belia Brunei sudah mampu untuk mencapai dan mencatatkan kejayaan di peringkat yang tinggi.

Pada hemat Beta, Program i-Usahawan ini, elok juga dilaratkan ke dalam sektor bukan tenaga, terutama dalam sektor awam dan keseluruhan pelaburan yang dihasratkan.

Disini kita dapat memahami, bahawa kedayatahanan adalah kunci kejayaan belia, disamping kualiti keperibadian dan sikap tidak mahu mengalah dalam bersaing.

Persaingan yang dimaksudkan disini, ialah bersaing bagi mencapai kecemerlangan dunia ni dan ukhrawi.

Untuk akhirnya, bersempena dengan Hari Belia Kebangsaan ini, Beta tidak lupa mengucapkan syabas kepada semua golongan belia di negara ini atas komitmen mereka sama-sama membangun dan memajukan negara.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KATA ALU-ALUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَبْيَاءِ وَالْمَرْسُلِينَ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ عَالِهِ وَصَاحِبِيهِ أَجْعَبِينَ



Alhamdulliah, syukur kehadrat Allah subhanhu wa taala di atas limpah, rahmat dan izin-Nya jua, sekali lagi kita dapat menyambut Hari Belia Kebangsaan Ke-17 pada 11 Muharram 1444 bersamaan 09 Ogos 2022 dengan penuh semangat bersama generasi belia, penggerak utama kepada kemajuan bangsa dan negara.

Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022 menjunjung kasih setinggi-tingginya atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis ini dan seterusnya mengurniakan titah, menyempurnakan pengurnianan anugerah serta berangkat untuk menyaksikan pameran yang berkisar kepada empat tema iaitu gaya hidup, ilmu, teknologi dan pembangunan mampan. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari yang istimewa ini mencerminkan keprihatinan terhadap isu pemerksaan dan pembangunan generasi belia dan menjadi pendorong belia kita untuk terus siap siaga dan memajukan diri demi meningkatkan khidmat bakti kepada bangsa dan negara yang tercinta.

Tema Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini, masih mengekalkan tema "Belia Siaga Masa Depan". Tema ini dinilai masih lagi relevan dan bertepatan dengan visi Dasar Belia Negara dan Strategi yang antara lain ingin melihat generasi belia yang bersiap siaga dengan pelbagai ilmu dan kemahiran serta jati diri yang kukuh, supaya mereka dapat menangani apa jua cabaran yang tercetus dari perubahan sosioekonomi negara dan global. Belia yang siaga masa depan adalah belia yang mempunyai kualiti dalaman dan luaran, berani mendepani perubahan serta menerokai bidang-bidang pembangunan baharu yang bukan sahaja dapat menaikkan taraf hidup mereka sendiri malah dapat melonjakkan pembangunan bangsa dan negara ke tahap yang lebih tinggi dan mampan.

Pembentukan generasi belia yang berakhhlak mulia dan bertaraf dunia tidak syak lagi berupaya menjadi agen perubahan kepada pembangunan negara yang inklusif. Hakikatnya, komitmen ini merupakan tanggungjawab bersepada antara semua pihak baik pihak kerajaan dan swasta, pertubuhan awam (NGO) mahupun di peringkat individu dengan berstrategikan pendekatan senegara atau *whole of nation*. Inisiatif untuk mempertajam, meneroka serta menyerlahkan kemahiran dan potensi modal insan belia siaga masa depan adalah strategi dan pelaburan negara yang amat signifikan bagi mencapai Wawasan Dasar Belia Negara dan Strategi dan secara langsung mendukung kepada merealisasikan WAWASAN BRUNEI 2035.

Akhirnya, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih serta syabas kepada semua Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022, Ahli Jawatankuasa Kerja, Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2022 dan rakan strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, sama ada dari sektor kerajaan mahupun sektor swasta bagi sama-sama menjayakan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022. Semoga usaha baik dan murni ini akan mendapat ganjaran yang setimpal dan pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu wa taala juga.

DATO SERI SETIA AWANG HAJI NAZMI BIN HAJI MOHAMAD

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi

Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, 2022

IKRAR BELIA

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Dengan Bersyukur

Kehadrat Allah Subhanahu Wa Taala

Kami Belia

Negara Brunei Darussalam

Berikrar

Taat Kepada Allah

Setia Kepada Raja

Cinta Kepada Negara

Mendukung Kepimpinan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam

Mempertahankan Kedaulatan

Negara Brunei Darussalam

Sebagai Negara Melayu Islam Beraja

Mematuhi Perlembagaan Negara

dan Undang-Undang

Berakh�ak Mulia dan Terpuji

PEMBACA UTAMA

YANG MULIA AWANG HAJI ABDUL MATEEN BOLKINI BIN HAJI AHMAD

Pengusaha Tambang.BN

- Penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan: Belia Berkhidmat bagi tahun 2020.
- Berkelulusan BA (Hons) dalam Jurusan Geography and Development dari Universiti Brunei Darussalam.
- Pengasas bagi syarikat penghasilan video *Matters of Choice*.
- Ahli bagi kumpulan Dasar Belia Negara dan Strategi.
- Ketua Belia Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong.
- Sukarelawan Belia kumpulan pertama bagi menangani COVID-19 di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.
- Pernah mewakili negara dalam beberapa program seperti *ASEAN University Student Assembly, Thailand (2015)*, *International Youth Congress, Hongkong (2017)*, *Digi Engage Conference, Australia (2018)* dan *ASEAN Youth Leader Preparatory Meeting (2019)*.
- Ketua Belia dalam Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) yang ke-46, Tahun 2019 bagi kontinjen Negara Brunei Darussalam.



PENGIRING 1:

YANG MULIA AWANG MUHAMMAD IQBAL SYAKIB BIN HAJI SYUIB

Lepasan Graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)



- Berkelulusan dalam Sarjana Muda Undang-Undang dan Syariah.
- Naib Yang Di-Pertua I Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA.
- Koperal Pasukan Kadet Tentera UNISSA.
- Pembantu Jurulatih Kelab Pidato Antarabangsa (KEPENTAS) hingga sekarang.
- Pemidato Gred 1 Kelab Pidato Antarabangsa (KEPENTAS).
- Mewakili Negara Brunei Darussalam ke Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri Malaysia 2021 (tempat ketiga); Pertandingan Pidato Ucapan Spontan antara 25 cawangan anjuran Kelab Pidato Perdana Malaysia 2019 (tempat kedua); Pertandingan Pidato Kebangsaan Brunei Darussalam 2019 (tempat ketiga); dan Pertandingan Gegar Pidato 2018 (tempat ketiga).
- Johan Pertandingan Debat Bahasa Arab (2017).

PENGIRING 2:

YANG MULIA PENGIRAN SALIMATUL SA'ADA BINTI PENCIRAN MOHD. SALEH

Pegawai Psikologi Pendidikan di Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan

- Penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan: Pemimpin Muda Belia bagi tahun 2019.
- Berkelulusan dalam *Master of Teaching* dari Universiti Brunei Darussalam dan Sarjana Muda Jurusan Science (Hons) *Psychology* dari *University of Essex, United Kingdom*.
- Penerima Anugerah 'SCOT Honorary Award' (2019).
- Penerima tempat kedua bagi Program Eksekutif Muda Kohot Ke-3 (2019).
- Duta One Young World (Munich) pada tahun 2021.
- Penyelaras dan Fasilitator Bersama Program Silaturrahim bagi warga Institusi Pemulihan di Kompleks Rumah Kebajikan, Jabatan Pembangunan Masyarakat sejak tahun 2021.
- Mentor di bawah *Young Professionals Network*.
- Aktif sebagai 'Edutainer' dan 'Content Creator' di laman media sosial.



ATUR CARA

- 8.00 pagi - Para Jemputan hadir
- 8.30 pagi - Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara
- 9.00 pagi - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja
- Lagu Kebangsaan
- Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat
- Sembah Alu-Aluan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke17, Tahun 2022
- Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
- Ikrar Belia
- Tayangan Video dan Persembahan Belia
- Pengumuman Penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2022
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung menyempurnakan Pengurnian Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2022
- Lagu Kebangsaan

ATUR CARA

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja dijunjung berangkat menyaksikan Pameran Hari Belia di Ruang Legar Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan dan menerima Pesambahan
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja dijunjung bagi Santap/Jamuan Ringan
- Sesi bergambar kenangan
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan majlis
- Majlis Bersurai

HURAIAN TEMA **HARI BELIA** KEBANGSAAN KE-17, 2022

BELIA SIAGA MASA DEPAN

Belia adalah tonggak utama negara dalam menentukan hala tuju dan kemajuan negara pada masa hadapan. Betapa pentingnya belia pada sesebuah negara adalah terletak pada peranan belia itu sendiri sebagai pemacu kepada kemajuan pembangunan negara. Komitmen dalam mempersiapkan diri belia dengan ‘acuan’ yang berkualiti adalah penting untuk melahirkan belia yang cemerlang. Cemerlang dalam pendidikan, sahsiah dan kerohanian bahkan juga belia yang memiliki kemahiran, inovatif, kreatif dan berdaya saing dalam pelbagai bidang seiring dengan kepesatan kemajuan dunia yang dinamik lagi mencabar kini.

Kesiapsiagaan belia dalam memberikan khidmat dan bakti mereka kepada negara terbukti apabila negara berdepan dengan situasi mencabar bagi menangani penularan wabak COVID-19 beberapa tahun kebelakangan ini. Dalam mewujudkan ekosistem pembangunan belia yang dinamik, mapan dan inklusif, kesiagaan belia dalam pembentukan dasar dan membuat keputusan bagi mencapai kecemerlangan yang tinggi sangat penting dan ini didukung melalui keperibadian yang Berakhhlak Mulia, Bertaraf Dunia, Agen Siaga Perubahan Masa Hadapan bagi Pembangunan Negara Secara Inklusif serta mengukuhkan nilai-nilai teras kebruneian. Elemen ini diiktiraf dan diperakui melalui Dasar Belia Negara dan Strategi 2035.

Strategi untuk mempersiapkan belia siaga masa depan merupakan tanggungjawab bersepada antara pihak kerajaan, swasta dan pertubuhan awam (NGO) sebagai agenda utama dalam pembangunan negara. Komitmen mempertajam dan meneroka serta menyerlahkan kemahiran dan potensi modal insan belia siaga masa depan menjadi strategi negara yang harus dilaksanakan bersungguh-sungguh bagi melahirkan belia yang cemerlang.

Tema pada tahun ini juga bertepatan dengan Deklarasi ASEAN 2022 sebagai *Year of ASEAN Youth*. Peranan belia adalah penting bagi menyumbang kepada pembangunan sumber tenaga manusia dan komuniti di samping memastikan penglibatan aktif golongan ini bagi keamanan serta mengukuhkan persefahaman bagi mendukung aspirasi one *ASEAN Identity*. Para belia juga perlu meningkatkan penguasaan Kemahiran Abad Ke-21 serta kemahiran digital.

LIRIK LAGU
**HARI
BELIA**
KEBANGSAAN KE-17, 2022

BELIA MENUJU WAWASAN

Kami Belia Menuju Wawasan
Wawasan Yang Dua Puluh Tiga Puluh Lima
Berpendidikan Berkemahiran
Berjaya Menghadapi Cabaran

Kami Anak Bangsa Yang Beriman
Pemaju Dan Pengerak Wawasan
Kami Sedia Gembleng Tenaga
Membela Raja Agama Dan Bangsa

Bridge:
Dengan Laungan Kalimah Yang Mulia
Kami Berikrar Taat Setia
Mencapai Gemilang Wawasan Kita
Berdiri Teguh Di Persada Dunia

Chorus:
Belia Beriman Belia Berjasa
Belia Cemerlang Belia Berwawasan
Negara Berkat Dan Bahagia
Negara Melayu Islam Beraja

Kami Sedia Bersatu Tenaga
Menanai Teguh Kedaulatan Raja
Kesucian Agama Maruah Bangsa
Dan Kemerdekaan Negara

Lirik dan Lagu ciptaan:
Haji Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit



PERLAMBANGAN TROFI

Trofi Anugerah Hari Belia Kebangsaan yang diguna pakai mulai tahun 2016 merupakan arca moden (*modern sculpture*) menggambarkan belia yang terus dinamik dalam menyahut cabaran kehidupan masa hadapan dan meneruskan pembangunan yang mampan. Pangkal (*base*) trofi ini ialah bentuk bahtera berlayar yang menggambarkan para belia yang menyedari peranan, dan tetap bersemangat menyahut seruan untuk membangun bangsa dan negara. Bentuk sebelah atas menunjukkan belia yang bersedia menanai hasrat Wawasan Brunei 2035.

Perlambangan lain reka bentuk trofi ini termasuk;



ب - بليا

'Y' - Youth

'B' - Belia

ب - برو او سن
برجاي



Belia adalah tunas bangsa, umpama benih yang dipelihara dengan baik dan sempurna, sebelah atas bertunas menjadi pohon yang subur dan cantik, (warganegara yang mantap dan berjaya) manakala sebelah bawah benih yang akan berakar umbi dengan kekuatan (ketahanan identiti dan budaya bangsa).

Abjad 6 – 6 Bidang Strategi Dasar Belia Negara – Pendidikan Perkembangan Diri, Pekerjaan dan Latihan, Kepimpinan, Daya Usaha, Persefahaman Antarabangsa dan Perkhidmatan kepada Orang Lain dan negara dengannya menjulang ketahanan dan keutuhan.



Layar Bahtera dan Kain Tenunan Brunei, lambang belia yang berwawasan dan berjaya memiliki nilai teras orang Brunei dan menjadikan warisan budaya sebagai asas pembangunan diri, persatuan dan negara.



Bahtera melambangkan negara sebagai pasak kepada pembangunan belia yang maju dan dinamik. Bagi bahtera dapat belayar ke destinasi memerlukan kemudi dan pandu arah begitu halnya dengan belia memerlukan polisi dan hala tuju bagi memastikan mereka akan menyambung/memangkin agenda pembangunan bangsa dan negara.


HADIAH IRINGAN: KAIN TENUNAN BRUNEI **HARI BELIA** KEBANGSAAN KE-17, 2022

ini. Penerima Kebangsaan dikurniakan kepada mempertahankan serta memperkenalkan keindahan kain tenunan orang Brunei kepada masyarakat dan negara luar.

Kain tenunan Brunei merupakan salah satu hadiah iringan yang diterima oleh setiap penerima individu Anugerah Hari Belia Kebangsaan sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan sejak tahun pertama majlis sambutan ini diadakan iaitu pada tahun 2006. Kain tenunan Brunei adalah salah satu khazanah warisan budaya Melayu yang diwarisi turun temurun dalam masyarakat kita sehingga hari penerima bagi kategori individu di bawah Anugerah Hari Belia sebidang kain tenunan sebagai galakan dan menjadi penerus kepada mempertahankan serta memperkenalkan keindahan kain tenunan orang Brunei kepada masyarakat dan negara luar.

Mulai Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17 bagi tahun 2022, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah membuat penambahbaikan dengan memperkenalkan reka bentuk tenunan kain Brunei yang dicipta secara khusus dan eksklusif untuk penerima anugerah bagi Kategori Belia Cemerlang, Belia Berkhidmat dan Pemimpin Muda Belia.

Kategori: Belia Cemerlang




Reka bentuk ini dicipta dengan kerjasama Yang Mulia Dayang Wan Zahidah binti Metussin, Pereka Tingkat I, Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Awang Ajilis bin Haji Terawih, Pelukis

Tingkat II, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kedua-dua pegawai merupakan pengukir dan pereka grafik di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Reka bentuk Jong Sarat digunakan bagi Penerima Anugerah Belia Cemerlang merupakan reka bentuk paling terkenal dan popular. Reka bentuk Jong Sarat mencerminkan kemahiran dan keindahan artistik pereka. Salah satu motif utama digunakan dalam reka bentuk tenunan ini dengan memasukkan perkataan B-e-l-i-a (بلیا) dalam kaligrafi jawi ke dalam corak melambangkan keeksclusifan tenunan khusus untuk penerima Anugerah Belia Cemerlang. Punca Bunga Menjalar digunakan dalam reka bentuk dengan penggunaan benang warna emas menonjolkan lagi kemewahan kain Jong Sarat ini. Manakala, tepi kain menggunakan motif Bunga Urat Kayu Berbintang.


Kategori: Belia Berkhidmat



Reka bentuk bagi Penerima Anugerah Belia Berkhidmat juga telah dicipta oleh pereka yang sama bagi kategori Anugerah Belia Cemerlang. Susunan Bunga Bertabur iaitu Bunga Intan Manikam digunakan dalam reka bentuk dengan menggunakan

motif Bunga Kenua Pesagi sebagai motif punca kain yang diinspirasikan daripada corak ciptaan Awang Haji Ibrahim bin Haji Rashid, Ketua Perancang di Bahagian Arkitek, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan. Tepi kain bagi kategori ini juga menggunakan motif Bunga Urat Kayu Berbintang. Dayang Wan Zahidah telah mencipta semula motif tersebut kepada rupa baharu dengan beberapa elemen digital moden sebagai simbol kreativiti pereka dan sesuai digunakan di era ini.

Kategori: Pemimpin Muda Belia



Reka bentuk bagi kategori Pemimpin Muda Belia dicipta oleh Yang Mulia Abdul Hafiz bin Haji Asli berusia 32 tahun merupakan Lulusan guru dari Universiti Brunei Darussalam di bawah Program Sarjana Perguruan dan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Teknologi Seni Kreatif. Beliau seorang pakar dalam reka bentuk tekstil fesyen dan ketukangan hiasan

dan terlibat secara aktif dalam mereka bentuk tekstil tradisional Brunei dan pameran di Borneo dan ASEAN.

Reka bentuk kain Jong Sarat ini mengandungi motif yang diinspirasikan daripada bentuk bunga dan daun yang digabungkan dengan reka bentuk mozek kesenian Islam yang menghiasi dinding-dinding masjid. Motif ini diberikan nama sebagai ‘motif kebahagiaan’ yang melambangkan sifat positif seorang individu yang harus diamalkan bagi menangani segala hal. Reka bentuk punca bagi motif kebahagiaan sengaja direka bentuk khas untuk memperlihatkan impak baik daripada sifat positif.

Di antara motif-motif yang digunakan bagi menghiasi kain ini ialah:

1. Bunga tabur beranak
2. Bunga Cengkik
3. Bunga kembang kiyapu
4. Bunga berbintang
5. Siku Keluang dan lain-lain lagi.

Gabungan motif bunga dan ukiran tradisional yang digunakan juga untuk melambangkan keharmonian dan keindahan suatu sifat positif terhadap sekellingnya. Oleh itu, reka bentuk motif ini memberikan makna bagi belia untuk dapat meningkatkan lagi kesedaran mengenai kebaikan dan terus bersifat positif dalam segala aspek bagi mewujudkan lingkungan yang harmoni dan bahagia bagi kesejahteraan masyarakat.



KATEGORI
ANUGERAH

HARI BELIA

KEBANGSAAN KE-17, 2022

BELIA CEMERLANG

Diberikan kepada belia yang berjaya dalam bidang masing-masing yang keutamaannya mengharumkan nama negara.

BELIA BERKHIDMAT

Diberikan kepada belia yang banyak menyumbang khidmat sukarela kepada negara dan masyarakat.

PEMIMPIN MUDA BELIA

Diberikan kepada pemimpin muda belia yang cemerlang dalam memimpin terutama sekali golongan belia.

PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA

Diberikan kepada projek yang dilaksanakan oleh golongan belia dan seterusnya projek berkenaan memberikan impak yang positif kepada masyarakat dan negara.

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2022

BELIA CEMERLANG

Bil	Nama Penuh	Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/ Agensi
1	Awang Adib Zainul Zaky bin Haji Abdul Manaf	Projek Bina Ukhwah/YSHHB/AUSCU
2	Dayang Hajah Norajleen Uminatal Hafizan binti Haji Alimas	CureHeart Company/PEKA
3	Awang Muhd Aznil Khairuddin bin Hj Kharul Azmi	ADZ Betta
4	Dayang Norhafizah@Sarbanun binti Aji	SH Beauty Enterprise
5	Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin	Brunei Darussalam AIDS Council/Bina Ukhwah/FEED/MINDA/YSHHB/YPN
6	Dayang Goh Chai Li	Mavensdotlive Sdn Bhd /YEAB/AYEC
7	Awang Muhammad 'Atiq bin Juani	Kelab Quranic Beats/ 'Ibadurrahman/Belia Muallaf As-Syahadah
8	Awang Dr Andery Lim	Pegawai Pelajaran
9	Awang Muhammad Iqbaal Syakib bin Haji Suhib	KEPENTAS
10	Awang Muhammad Tarmizi bin Bahrin	Super Thirteen Clothing Co.
11	Dayang Nur Amirah Firdaus binti Haji Mustapa	RBCw
12	Awang Mohammad Shahrul Hamizan bin Awang Shahari	RBC
13	Awang Mohammad Fuad bin Matahir	Belia Daie
14	Dayang Nurul Nabilah binti Haji Ali	Yaska
15	Dayang Nurul Huda binti Awang Haji Muhin	Pusat Ehsan Al-Ameerah AL-Hajjah Maryam
16	Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili	Pegawai Pelajar Tarannum
17	Awang Dr Hilmy Baihaqi bin Haji Awg Yussof	Unissa / Strayholders / Da'ie

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2022

BELIA BERKHIDMAT

Bil	Nama Penuh	Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/ Agensi
1	Dayang Hajah Norajleen Uminatul Hafizan binti Haji Alimas	CureHeart Company
2	Awang Mohammad Ashmeer s/o Imtiaz Ahmad	Sukarelawan Belia/YPN
3	Awang Abdul Karim bin Hamdan	Jabatan Penerangan
4	Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin	Brunei Darussalam AIDS Council/Bina Ukhwah/FEED/MINDA/YSHHB/YPN
5	Awang Akmal Nasri bin Haji Kamal	PERKAB
6	Awangku Mohammad Nur Ajrun'Azhim bin Pengiran Julkifli	Presiden, SCOT Brunei
7	Awang Dr Andery Lim	Pegawai Pendidik
8	Awang Haji Mohammad Loqman AL Hakim bin Haji Hamdan	Al-Huffaz Management
9	Awang Mohamad Sufhidin bin Mohamad Sufian	MPK Mukim Bukit Sawat
10	Awang Mohammad Hazwan Nizam bin Ibrahim	Takmir Masjid Kampong Birau
11	Awang Mohammad Husaini bin Ali Hassan	MPK Sungai Bunga
12	Awang Muhammad Samira Razin bin Abdullah Sambut	Persatuan Kami Prihatin (WeCare)
13	Dayang Nurhani Basirah bin Haji Chipli	Guru
14	Dayang Norsuziyani binti Abdullah	Project Feed
15	Sheikh Ahmad Wa'ez bin Haji Sheikh Aubid	Persekutuan Pengakap NBD
16	Dayang Liyana binti Salleh	Persekutuan Pengakap NBD
17	Awang Muhammad Abdul Wafi bin Haji Sofian	Sukarelawan Belia

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2022

PEMIMPIN MUDA BELIA

Bil	Nama Penuh	Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/ Agensi
1	Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	Ketua Kampung Sengkarai/ IMPAK
2	Awang Abdul Kabir bin Zainidi	Persatuan OKP
3	Ong Huey Jiuan	Yippy Tune Musicsa
4	Awang Haji Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit	DINAMIKA/MUFEED
5	Dayang Julianawati binti Haji Hamdan	Persatuan Kebajikan Perempuan
6	Dayang Siti Kailene binti Mohd Jazlan Kashfi	Brunei Darussalam AIDS Council
7	Awang Mohammad Ashmeer s/o Imtiaz Ahmad	Sukarelawan Belia/YPN
8	Awang Mohd Fuad bin Matahir	Belia Da'ie
9	Awang Muhammad Samira Razin bin Abdullah Sambut	Persatuan Kami Prihatin (WeCare)
10	Awang Muhammad Tarmizi bin Bahrin	Politeknik Brunei
11	Awang Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin	Belia Masjid/ Belia Da'ie
12	Dayang Noorhayati binti Haji Awang	Kaunselor, Cureheart, Ahli PERKAB
13	Dayang Nur Diyana binti Sulaiman	Projek Feed
14	Awang Reduan bin Yusop	Jurulatih Basikal
15	Awang Muhammad Abdul Wafi bin Haji Sofian	Sukarelawan Belia


CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH 2022

PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA

Bil	Nama Penuh	Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/ Agensi
1	Awang Abdul Wafiy bin Haji P.Ramlee	Kindul BN
2	Dayang Nornaqibah binti Abdul Hamid	Lamin Warisan
3	Dayang Nurul Atikah binti Zaini	Projek Tuisyen Atas/ Dalam Talian Tarian Jipin Laila Sembah
4	Awang Mohd Nur Muizz' Azmi bin Haji Hasnani	Victory Athletes
5	Dayang Majdurano Georgiana binti Majallah Sain	Youth Services Learning
6	Awang Agus bin Muslim	Blood Kad
7	Awang Muhammad Asri bin Haji Awg Abas	Jabatan Penerangan
8	Dayang Nur Hazirah binti Mohd Sufian	Enviromental Education Tour
9	Dayang Nurhudiya Fakhriah binti Haji Damit	Kids' Clothes and Toys Donation Drive
10	Awang Muhammad bin Tarmizi Bahrin	Kindness Matters Project
11	Dayang Nurul Syafiqah binti Haji Antin	Memperkasa Budaya Pantun Melalui Bermukun
12	Awang Mohd Khairul bin Hazmi Haji Munir	Syarikat Bersih Solutions
13	Dayang Nur 'Alia Syazwani binti Haji Maidin	Projek Brunei Kasih

TEMA SAMBUTAN

HARI BELIA KEBANGSAAN






IMBASAN
**HARI
BELIA**
KEBANGSAAN KE-16, 2021







**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Semasa Mengurniakan Titah**







Bacaan Ikhtiar Belia diketuai oleh Awang Muhammad Yusof bin Haji Abdul Majid
Ketua Bahagian Pemulihan, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA)

PENGURNIAAN ANUGERAH HARI BELIA KEBANGSAAN 2020



Penerima Anugerah Belia Cemerlang
Awang Adi Salihin bin Roslan



Penerima Anugerah Belia Berkhidmat
Awang Haji Abdul Mateen Bolkini bin Haji Ahmad

PENGURNIAAN ANUGERAH HARI BELIA KEBANGSAAN 2020



Penerima Anugerah Pemimpin Muda Belia
Awang Haji Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan



Penerima Projek Cemerlang Untuk Belia
Big BWN Projek

Anugerah Belia Cemerlang 2020

Yang Mulia Awang Adi Salihin bin Roslan

Meraih pingat emas untuk Kontinjen Negara Brunei Darussalam semasa temasya Sukan SEA yang berlangsung di Filipina dalam acara Nanquan e- NanDao bagi sukan Wushu pada tahun 2019. Beliau merupakan atlit sukan Wushu yang aktif dan menyumbangkan beberapa pingat untuk negara dalam kejohanan sukan di peringkat kebangsaan, Borneo, serantau dan antarabangsa. Antara pencapaian lain yang dapat dibanggakan ialah dua pingat perak di *The 3rd China-ASEAN Wushu Festival*, Lizhuo Guangxi China (2015); satu pingat emas dan satu pingat perak melalui kejohanan *Huangshan International Wushu Competition* (2016); dan semasa *6th Pars Cup Wushu Championship* di Semnam Iran tahun 2017, beliau memperoleh dua pingat emas dan satu pingat gangsa.

Kegigihan dan ketekunan beliau tinggi dalam menjalani latihan pada waktu-waktu yang disediakan oleh jurulatih jelas telah membawa hasil dengan menyumbangkan pingat kepada negara. Usaha beliau untuk terus berjaya dan cemerlang dalam bidang kesukanan Wushu sangat ketara dengan penyertaan aktif beliau di kejohanan-kejohanan sukan dalam dan luar negara. Beliau dapat menarik minat dalam kalangan sahabat handai untuk lebih mengenali tentang sukan Wushu dan mengangkatnya sebagai salah satu sukan keutamaan di negara ini.



Anugerah Pemimpin Muda Belia 2020

Yang Mulia Awang Haji Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan

Pengasas dan pengurus *Al-Huffaz Management* sejak tahun 2016. Seorang pengusaha dan penceramah inspirasi yang menyampaikan ceramah ke sekolah-sekolah dan kuliah tentang *Islamic Finance and Goal Settings*. Setakat ini, beliau pernah berceramah dalam beberapa acara termasuk *Brunei RiceBowl StartUp Awards 2018* dan *TEDxGadong*.

Beliau berjaya menyediakan guru-guru yang mengajar Al-Quran ke rumah-rumah dari 11 orang guru pada awalnya, kepada 200 orang guru yang telah mengajar Al-Quran kepada lebih 2,000 orang pelajar di seluruh negara. *Al-Huffaz Management* telah memenangi beberapa anugerah pada tahun 2017 termasuk Program Keusahawanan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Projek Cemerlang Untuk Belia sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2017. Pada tahun 2019, *Al-Huffaz Management* telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Singapura bagi mengembangluaskan lagi perkhidmatannya di sana.

Sebagai pengasas dan pengurus *Al-Huffaz Management*, beliau memiliki kualiti sebagai seorang pemimpin yang berwawasan, iaitu mempunyai fokus dan hala tuju terhadap visi syarikatnya. Memiliki kerendahan hati dalam melaksanakan pekerjaannya dan mempunyai sifat empati yang tinggi. Beliau telah menghasilkan peluang pekerjaan bukan sahaja sebagai pengajar Al-Quran yang terdiri daripada golongan belia tetapi juga kepada warga yang telah bersara melalui *Ar-Razaq Funeral Management* iaitu salah satu anak syarikat di bawah *Al-Huffaz Management*.



Anugerah Belia Berkhidmat 2020

Yang Mulia Awang Haji Abdul Mateen Bolkini bin Haji Ahmad

Penglibatan aktif beliau sebagai Timbalan Setiausaha Agung Tertinggi dalam Majlis Belia Brunei sejak tahun 2019, selain daripada penglibatan beliau sendiri dalam beberapa pergerakan dan persatuan belia. Aktif selaku Ketua Belia dalam Belia Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong (2012 hingga sekarang); Vice President of Leadership and Strategic Planning, Guild of Graduate UBD (2018-2020); Kumpulan Strategik Belia dalam Dasar Belia Negara dan Strategi bagi Daerah Tutong (2020-2021); Sukarelawan Belia di bawah Sekretariat Tutong (2020); Youth Professional Network (2019 hingga sekarang), Biro Keugamaan dan Kemasyarakatan dalam IMPAK, Daerah Tutong (2020); Ahli BERSATU dan lain-lain.

Penglibatan aktif beliau selaku sukarelawan dan dalam pelbagai program belia sejak berusia 13 tahun lagi dan menjadikan ayah beliau sendiri sebagai motivasi dan inspirasi minat beliau dalam membantu orang lain. Melalui penglibatan aktif ini, banyak membantu beliau dari segi pembentukan jati diri dan nilai keperibadian sebagai seorang sukarelawan yang bersedia berkhidmat untuk kebaikan masyarakat. Beliau juga secara berterusan aktif dalam beberapa program sukarelawan seperti Projek Senyuman Emas 2.0 di bawah Projek Bina Ukhwah sebagai Penolong Penyelaras Program (2020); dan selaku Penolong Penyelaras Program dalam Projek Kaca Mata di bawah SCOT (2018).

Baginya, tiada istilah tiada pekerjaan sebagai satu alasan 'tiada wang'. Sebaliknya, dengan kudrat, bakat, kebolehan yang digabungkan dengan pengetahuan dan keazaman, beliau berusaha menjana sumber pendapatan sebagai pelakon tambahan dan menerbitkan video. Beliau merupakan Pengasas Bersama Matters.OC sejak tahun 2017 dan Penerbit Fasting Hero (2020).



Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia 2020

Big BWN Projek

Projek ini merupakan sebuah platform untuk para peniaga tempatan yang mempunyai perniagaan atas talian (online) dan bertapak di rumah (home based) untuk memperkembangkan perniagaan masing-masing secara offline melalui ‘pop up stores’. Melalui pendekatan ini dapat membantu peniaga-peniaga membina rangkaian pelanggan mereka, membuat kajian pasaran dan pemasaran. Projek ini juga telah memberikan peluang pekerjaan, iaitu 90% daripadanya terdiri daripada golongan belia. Antara inisiatif yang dikendalikan di bawah projek ini seperti Tempatan, Zero Waste Brunei, Kg. Bolkiyah Community Development Centre, BWN Young Entrepreneur Project (BWN YEP), Brunei Womenpreneur Network dan Womennovation.

Dalam tempoh lima (5) tahun sejak beroperasi pada Mei 2015, Big BWN ini telah mengendalikan 168 projek; melibatkan seramai 567 peniaga home base; 60 kerjasama tempatan; peningkatan sebanyak 210 peniagaan di rumah yang masih bertahan sehingga kini; memulakan 8 inisiatif kemasyarakatan; 14 projek antarabangsa dan mentor perniagaan; 35 bengkel dan 53 peluang pekerjaan. Antara projek yang masih berjalan ialah ‘Go Digital Brunei Darussalam’ yang mensasarkan 2,000 belia pencari kerja, 450 orang dari kawasan pedalaman dan 50 orang yang berkeperluan khas. Purata pendapatan yang telah dijana bagi tahun 2019-2020 ialah \$30,000.00. Manakala bagi tahun 2020-2021 ialah sebanyak \$15,000.00 (penurunan disebabkan oleh wabak COVID-19).



PENGURNIAAN ANUGERAH HARI BELIA KEBANGSAAN 2021



Penerima Anugerah Belia Cemerlang
Yang Mulia Dayang Chong Chin Yee



Penerima Anugerah Belia Berkhidmat
Yang Mulia Awang Muhammad Syahmi bin Halimshah

PENGURNIAAN ANUGERAH HARI BELIA KEBANGSAAN 2021



Penerima Anugerah Pemimpin Muda Belia
Yang Mulia Dayang Kwan Pei Yun



Penerima Projek Cemerlang Untuk Belia
HIV/AIDS Awareness Programme for Peers and Youth (H.A.P.P.Y)

Anugerah Belia Cemerlang 2021

Yang Mulia Dayang Chong Chin Yee

Pengasas 350.org Brunei, Pengurus operasi Start Up Brunei UnikLearn, Pengasas Memori dan Pengasas Mirath. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Pelajaran di Pusat Tingkatan Enam Tutong dan telah menubuhkan Kelab Kitar Semula di sekolah berkenaan dan seterusnya melaksanakan beberapa inisiatif alam sekitar seperti membina pondok dan bangku mesra alam (*eco-friendly*), larangan penggunaan styrofoam di sekolah dan mengimplementasikan *Earth Hour* pada waktu tengah hari di sekolah tersebut. Kecemerlangan beliau sebagai seorang pendidik juga jelas terlihat apabila beliau dilantik untuk mengetuai Bahagian Ekonomi Tingkatan 6 dan berjaya mencapai sasaran kebangsaan 100% lulus bagi 2 tahun berturut-turut.

Beliau aktif dalam mengukuhkan dan mengembangkan lagi perniagaan yang diterajuinya ke luar negara antaranya ialah perniagaan di bawah syarikat Mirath. Syarikat beliau mengendalikan pengurusan harta faraid dan pengurusan jenazah.

Pencapaian beliau di peringkat antarabangsa menunjukkan sifat daya saing beliau yang tinggi dan berorientasi global lantas menjadikan beliau seorang yang *marketable*. Beliau adalah anak tempatan pertama yang terpilih sebagai *Edmund Hillary Fellow, New Zealand*, dan yang pertama sekali terpilih sebagai usahawan di Antler, Singapura, calon bagi *Young Global Leader of World Economic Forum (WEF)* pada tahun 2021.

Beliau tersenarai sebagai 30 people to watch dalam *Business Law of Asia 2020 Awards*, menerima anugerah *Grand Winner e-Country Winner* bagi MCCC-AAET ASEAN Green Award pada tahun 2014, *finalis ASEAN Impact Challenge* pada tahun 2019, 3 teratas dalam DARE Startup di *Golden Equator*, Singapura pada tahun 2019, pemenang *Pitch@Palace ASEAN* dan *finalis Pitch@ Palace Global 4.0* pada tahun 2019, dan penerima Anugerah Brunei Ricebowl Startup Awards: *Founder of the Year 2019*. Di samping itu, Dayang Chong Chin Yee juga telah beberapa kali dipilih untuk mewakili Negara Brunei Darussalam dalam beberapa program antarabangsa seperti program *Fellow Profesional YSEALI* tajaan kerajaan Amerika Syarikat, dan *One Young World Summit* di United Kingdom.



Anugerah Pemimpin Muda Belia 2021

Yang Mulia Dayang Kwan Pei Yun (Joanna)

Guru Bahasa Inggeris di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) sejak tahun 2005 hingga sekarang. Beliau ditauliahkan sebagai guru 'Expert Literacy Coach' dan diberi tanggungjawab untuk membimbing guru-guru English dari sekolah lain selain di STPRI.

Beliau pernah menjadi *Grand Finalist* dalam *World Championship of Performing Arts (WCOPA)* di Los Angeles, Amerika Syarikat peringkat antarabangsa pada tahun 2014 dan memperoleh 4 pingat perak, 1 pingat gangsa dan juga diberikan *Scholarship Award*. Selain itu, pernah mewakili Brunei Darussalam sebagai penerima biasiswa pelakon teater muzikal di Jakarta, Indonesia pada tahun 2016 di YES ASEAN Academy (*Broadway Musical Program*).

Pernah mewakili guru dari Negara Brunei Darussalam melalui *Australia-ASEAN BRIDGE School Partnerships Program 2018* di Sydney, Australia dan salah seorang penerima Anugerah Penghargaan (*Special Mention*) sempena Sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan pada tahun 2019, melalui Kementerian Pendidikan, Brunei Darussalam bagi Pendidikan & Pembimbing Literasi atas jasa dan sumbangan diberikan sepanjang beliau berkhidmat sebagai seorang pendidik.

